



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 31 MEI 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **23 kes yang telah pulih** dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **6,353 kes** (81.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 31 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **57 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **7,819 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,351 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 57 kes baharu yang dilaporkan, 10 kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

Daripada 47 kes penularan tempatan, 43 kes adalah kes bukan warganegara Malaysia di mana:

- 24 kes telah dikesan di Depot Tahanan Imigresen (DTI) Sepang;
- 15 kes dikesan di Pahang yang merangkumi tiga (3) kluster yang terdiri daripada pekerja;
- 1 kes Kluster Kampung Sungai Lui;
- 1 kes Kluster Pudu;
- 1 kes Pendatang Asing Tanpa Izin dalam proses pemindahan ke DTI;
- 1 kes pekerja di Klang

Oleh itu, kes penularan tempatan di kalangan warganegara Malaysia adalah 4 kes sahaja.

Sehingga kini, seramai sembilan (9) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, dua (2) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dimaklumkan bahawa **tiada kes kematian** berkaitan COVID-19 dilaporkan hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak **115 kes** (1.47 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

RISIKO JANGKITAN COVID-19 MENINGKAT DENGAN AMALAN MEROKOK

Tembakau membunuh lebih daripada 8 juta orang di seluruh dunia setiap tahun. Daripada jumlah ini, lebih 7 juta kematian adalah disebabkan oleh penggunaan tembakau secara langsung dan sekitar 1.2 juta adalah disebabkan oleh bukan perokok yang terdedah kepada asap rokok terpakai (*secondhand smoke*). Sempena Sambutan Hari Tanpa Tembakau yang diraikan pada 31 Mei setiap tahun, pada tahun ini Hari Tanpa Tembakau di Malaysia adalah bertemakan “Generasi Muda Mesti Dilindungi”. Selain generasi muda, KKM menyeru semua peringkat dan lapisan masyarakat menghindari diri daripada amalan merokok. “Berhentilah merokok...anda lebih sihat”.

Tabiat merokok telah terbukti mengakibatkan pelbagai jenis penyakit serta boleh melemahkan sistem imuniti manusia, sekaligus meningkatkan risiko terhadap jangkitan bakteria dan virus terutama sekali semasa wabak COVID-19. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melalui kenyataan yang telah dikeluarkan pada 27 Mei 2020 dan disokong dengan beberapa kajian yang dijalankan di luar negara mendapati **golongan perokok adalah berisiko tinggi** untuk mendapat komplikasi yang lebih teruk jika dijangkiti virus COVID-19.

COVID-19 adalah penyakit berjangkit yang menyerang terutamanya paru-paru. Merokok merosakkan fungsi paru-paru,

justeru menjadikan badan kita lebih sukar untuk melawan Coronavirus dan penyakit- penyakit lain.

Terkini Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi atau NHMS 2019 yang dilancarkan baru-baru ini, iaitu pada 29 Mei 2020 menunjukkan prevalen rakyat Malaysia yang menghidap darah tinggi adalah sebanyak 30 peratus dan penyakit kencing manis adalah sebanyak 18.3 peratus. Golongan ini berisiko untuk mendapat komplikasi yang teruk sekiranya dijangkiti COVID-19. Apatah lagi jika mereka mempunyai risiko tambahan seperti amalan merokok. Melalui NHMS 2019 juga, memandangkan 21.3 peratus rakyat Malaysia dianggarkan merokok, maka mereka lebih terdedah kepada risiko komplikasi COVID-19 berbanding mereka yang tidak merokok.

Penelitian dan analisa awal berkaitan sejarah merokok dan faktor risiko penyakit tidak berjangkit yang telah dijalankan ke atas 86 daripada jumlah pesakit COVID-19 yang telah meninggal dunia di Malaysia, didapati 19.8 peratus (iaitu 17 orang) adalah terdiri daripada golongan perokok.

Analisa juga mendapati bahawa bagi kes kematian COVID-19 yang tidak mempunyai sejarah penyakit kronik tetapi merokok, jumlah kematiannya adalah lebih tinggi berbanding kes kematian COVID-19 yang bukan perokok (17.6 peratus berbanding 12.1 peratus).

KKM terus membuat pemantauan bagi kesalahan penjualan produk merokok. Walaupun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), kebanyakan premis penjualan tidak beroperasi seperti dahulu, namun penjualan atas talian didapati masih giat berjalan misalnya melalui platform e-dagang.

Kesalahan penjualan di atas talian dan kesalahan penjualan produk yang mengandungi nikotin adalah masing-masing dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 dan Akta Racun 1952. Sepanjang penguatkuasaan PKP dan PKPB, didapati sebanyak 118 laman sesawang persendirian, e-dagang dan media sosial telah melakukan kesalahan. Tindakan telah diambil ke atas mereka.

Pihak KKM prihatin terhadap golongan perokok yang ingin berhenti merokok namun terbatas dengan kawalan pergerakan yang sedang berkuatkuasa. Justeru, pihak KKM dengan kerjasama pihak Persatuan Farmasi Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menyediakan perkhidmatan kaunseling berhenti merokok atas talian. Tambahan pula, pelbagai maklumat berkaitan bahaya merokok dan COVID-19 juga boleh didapati melalui aplikasi MySejahtera dan laman sesawang www.jomquit.moh.gov.my.

Sepanjang tempoh PKP dan PKPB, dimaklumkan seramai 400 orang perokok telah mendaftar bagi mendapatkan bantuan

berhenti merokok atas talian dan lebih 5,000 orang telah melayari laman sesawang www.jomquit.moh.gov.my. Angka ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan kesedaran di kalangan masyarakat terutamanya golongan perokok tentang bahaya merokok. KKM berharap agar lebih ramai lagi perokok proaktif dan mengambil tanggungjawab untuk bertindak segera demi menjaga kesihatan diri sendiri serta melindungi orang yang dikasihi terutamanya warga emas dan kanak-kanak.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihatkan orang ramai supaya terus patuh kepada segala nasihat dan saranan yang sering ditekankan Kerajaan. Jadikanlah amalan-amalan berikut sebagai norma dan kebiasaan baharu dalam kehidupan seharian, antaranya:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak** (*Crowded place*), elakkan kawasan yang **sempit** (*Confined space*) dan elak **sembang** atau bertutur dengan jarak yang **dekat** (*Close conversation*).
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elak bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;

- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan amalan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
31 Mei 2020 @ 5.00 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI
MALAYSIA
(SEHINGGA 31 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	96
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	256
SELANGOR	31 (3)	1,909
NEGERI SEMBILAN	2	858
MELAKA	1	219
JOHOR	0	675
PAHANG	15	361
TERENGGANU	0	111
KELANTAN	0	156
SABAH	0	346
SARAWAK	0	552
W.P. KUALA LUMPUR	8 (7)	2,028
W.P. PUTRAJAYA	0	97
W.P. LABUAN	0	16
JUMLAH KESELURUHAN	57 (10)	7,819

*() adalah merujuk kepada kes-kes import